

Headline **Cadang pembawa HIV/Aids diasing**  
 Date **07. Feb 2009** Language **MALAY**  
 Media Title **Berita Harian** Page No **30**  
 Section **Nasional** Article Size **140** cm2  
 Circulation **192917** Frequency **Daily**  
 Readership **1521000** Color **Full Color**  
 AdValue **2980.30**



## Cadang pembawa HIV/Aids diasing

**K**ETIKA usaha Kementerian Kesihatan menghapuskan pembiakan nyamuk Aedes bagi mengawal wabak denggi dan chikungunya merebak dengan mencari dan memusnahkan sarangnya, pada masa sama ia mengabaikan tanggungjawab menangani masalah pembawa virus HIV/Aids.

Pesakit ini dibiarkan menunggu saat kematian tanpa mendapat perhatian serius kerajaan. Pembawa HIV/Aids ini dibiarkan merayau ke sana-sini, di jalan raya, kawasan tempat tinggal mereka, bahkan di kawasan bandar dengan membawa virus maut ini, terdedah melalui jangkitan seks dan perkongsian jarum suntikan dadah.

Maut di kalangan pembawanya pula amat tinggi. Tindakan Kementerian Kesihatan memberi kondom dan jarum suntikan percuma sejak 2005 untuk mengurangkan kadar jangkitan HIV/Aids ini kurang mendapat sambutan, kesannya mendukacitakan.

Berikut beberapa cadangan dikemukakan untuk difikirkan:

- Pembawa HIV/Aids ini hendaklah ditahan di pusat serenti dan di Kebajikan Masyarakat dengan polis, hospital dan pihak penjara mengenal pasti pesakit berkenaan;
- Dijaga dengan rapi seperti memberi ubat yang dapat mengurangkan penderitaan serta meningkatkan kualiti hidup mereka
- Tidak dibenarkan keluar bebas hingga diperakui dan disahkan kesihatan mereka pulih sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan.

Dengan cadangan di atas walaupun kosnya amat tinggi, adalah diharapkan peratusan pembawa HIV/Aids dapat dikurangkan walaupun mengambil masa yang panjang. Setidak-tidaknya rakyat berasa lega dan ibu bapa yang mana anak mereka menjadi mangsa pula mengucapkan syukur kepada perhatian pihak kerajaan.

**ISMAIL YUSOFF,**  
Kota Bharu, Kelantan.